AUTHOR: No author available SECTION: ARENA AUDIENCE : 112,705 PAGE: 47,48
PRINTED SIZE: 261.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,990
WORDS: 253 ITEM ID: DP0122533243



16 NOV, 2026

Thunderstar enggan tekan brek, buru trofi kedua

Harian Metro, Malaysia

Thunderstar enggan tekan brek, buru trofi kedua

Kuala Lumpur: Kejayaan merampas semula kejuaraan TNB Liga Hoki Malaysia (TNBMHL) 2026 menjadi kepuasan buat ketua jurulatih TNB Thunderstar, Mohd Madzli Ikmar Mohd Nor, selepas pasukannya menepati sasaran ditetapkan musim ini.

Meskipun tewas 1-2 kepada Pasukan Hoki Terengganu (THT) dalam aksi terakhir di Stadium Hoki TNB, UNITEN, kelmarin, Madzli tetap berpuas hati apabila anak buahnya sudah lebih awal mengesahkan gelaran itu menerusi kemenangan besar 16-0 ke atas Young Elephants Pahang, empat hari lalu.

Kejayaan itu turut membawa makna tersendiri buat Thunderstar yang terpaksa berpuas hati di tempat kedua musim lalu sebelum kembali mendominasi saingan tahun ini.

Madzli berkata, beliau kini mahu anak buahnya mengekalkan momentum bagi memburu satu lagi trofi, iaitu Piala TNB, selain memastikan pemain berada dalam keadaan cergas dan bebas kecederaan.

"Alhamdulillah, kita mencapai sasaran untuk menjadi juara liga dan sekarang ada satu lagi trofi menanti selepas ini iaitu Piala TNB.

"Saya harapkan pemain terus mengekalkan momentum dan paling penting bebas daripada kecederaan kerana selepas ini mereka akan bermain dalam Piala Sultan Azlan Shah," katanya.

Dalam aksi terakhir itu, Thunderstar terlebih dahulu membuka jaringan menerusi Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi pada minit keempat, namun kelebihan berkenaan hanya bertahan seminit apabila Muhammad Firhan Ashari menyamakan kedudukan buat THT.

THT kemudian memastikan kemenangan menerusi jaringan Luqman Nul Hakim Ahmad Shukran pada minit ke-44, sekali gus mengesahkan kedudukan naib juara liga musim ini.



KAPTEN TNB Thunderstar, Nik Muhammad Aiman cuba melepasi kawalan pemain lawan. FOTO HARI ANGGARA

© Nine Entertainment Co. Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.